



07 FEB, 2023

PPA Machang sasar jualan tekstil batik RM400.000

Sinar Harian, Malaysia



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Page 1 of 2

Angka itu mampu dicapai menerusi strategi pemasaran baharu dan kualiti corak batik yang diketengahkan

MACHANG

Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang menyasarkan jualan tekstil batik hasil buatan penghuni penjara berjumlah hampir RM400,000 bagi tahun ini, kata Pengaruhnya, Mohd Nasir Yusof. Beliau berkata, sasaran itu mampu dicapai berdasarkan strategi pemasaran dan kualiti corak batik yang diketengahkan iaitu batik "Khonyok Mache" dan "Sulam Kasih".

"Tahun lalu hasil jualan batik di PPA Machang berjumlah lebih RM126,000. Oleh itu, bagi tahun ini, kita sasarkan peningkatan jualan batik sebanyak dua hingga tiga kali ganda."

"Ketika ini kita memiliki seramai 40 penghuni penjara yang membuat batik dan mereka ini bekerja selama sembilan jam bermula jam 8 pagi," katanya.

Beliau berkata, demikian selepas prapelancaran Produk Batik 2023 di Dewan Dato' Sri Haji Zulkifli Omar, PPA Machang, di sini pada Isnin, yang turut dihadiri Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan, Prof Dr Abdol Samad Nawi.

Mengulas lanjut, Mohd Nasir berkata, pihaknya turut ber-



Kaftan keluaran batik moden



Samad (kanan) bersama Nasir (kiri) menghayati seni halus kain batik yang dihasilkan penghuni PPA Machang pada Prapelancaran Produk Batik 2023 di Dewan Dato' Sri Haji Zulkifli Omar, PPA Machang pada Isnin.



Peragawati memperagakan busana batik 'Khonyok Mache' dan 'Sulam Kasih' yang dihasilkan penghuni Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang.

Industri tekstil, pakaian dan kasut menyumbang RM1.21 bilion atau 0.3 peratus kepada keleluaran dalam negara kasar (KDNK) negara pada suku kedua 2022, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Perindustriannya, Datuk Hanafi Sakri berkata, sektor itu ketika ini menggaji kira-kira 3.11 peratus atau 70,367 orang daripada jumlah pekerja yang dilibatkan dalam sektor pembuatan.

Pelaburan dalam sektor itu merekodkan nilai sebanyak RM3.23 juta dalam separuh pertama 2022, manakala eksport berjumlah RM8.76 bilion dalam tempoh yang sama. - Bernama

kolaborasi dengan UiTM Cawangan Machang untuk mendapatkan kepentingan dari segi rekaan corak dan sebagainya sejak tahun 2014.

"Kita juga merancang membuka kios bagi meningkatkan jualan kepada orang ramai kerana kita yakin dengan kualiti warna dan mutu batik yang dihasilkan oleh penghuni penjara," katanya.

**Sinar
Harian**
**SOKONG
BISNES
ANDA**

kepada orang ramai kerana kita yakin dengan kualiti warna dan mutu batik yang dihasilkan oleh penghuni penjara," katanya.



07 FEB, 2023

PPA Machang sasar jualan tekstil batik RM400.000

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang menyasarkan jualan tekstil batik hasil buatan penghuni penjara berjumlah hampir RM400,000 bagi tahun ini, kata Pengaruhnya, Mohd Nasir Yusof. Beliau berkata, sasaran itu mampu dicapai berdasarkan strategi pemasaran dan kualiti corak batik yang diketengahkan iaitu batik 'Khonyok Mache' dan 'Sulam Kasih'. "Tahun lalu hasil jualan batik di PPA Machang berjumlah lebih RM 126,000. Oleh itu, bagi tahun ini, kita sasarkan peningkatan jualan batik sebanyak dua hingga tiga kali ganda.